

**SIGHAH**  
**KEPUTUSAN MUZAKARAH KHAS**  
**JAWATANKUASA FATWA**  
**MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM**  
**MALAYSIA**

**Tarikh : 18 Ogos 2015**  
**Masa : 9.30 pagi**  
**Tempat : Dewan Syura**  
**Aras 9, JAKIM**

**1. Kertas JKF Khas Bil. 1/2/2015**

**Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)**

- 1.1 Setelah **meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan** yang dikemukakan **Muzakarah** mendapati bahawa:
- i. Selaku pemegang amanah ke atas simpanan ahli KWSP, **keuntungan yang diperolehi** oleh KWSP adalah **berbentuk *Takassub* dan bukan secara *Ghasab***. Dividen yang diterima oleh ahli KWSP diperolehi melalui transaksi pelaburan yang dilakukan mengikut lunas undang-undang dan berdasarkan **kontrak yang dipersetujui bersama**.
  - ii. KWSP merupakan pemegang amanah yang diberi mandat untuk menguruskan simpanan ahli-ahli di bawah Akta KWSP 1991, di mana **majikan diwajibkan** untuk mencarum dengan KWSP bagi pihak ahli dan setakat ini **tiada sebarang pilihan diberikan kepada ahli** dan mereka tiada *hak tasarruf* dalam urusan simpanan mereka sejak dari awal mencarum dalam KWSP. Simpanan tersebut akan menjadi hak dan milik ahli KWSP setelah mencapai umur yang ditetapkan
  - iii. Berdasarkan amalan semasa perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, **tiada sebarang ketetapan** yang pernah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mewajibkan pelanggan perbankan Islam untuk **menyucikan terlebih dahulu sebarang pendapatan tidak patuh syariah yang diterima** sama ada daripada aktiviti perbankan konvensional atau dari sumber-sumber lain **sebelum boleh mendeposit atau melabur ke dalam produk patuh syariah** yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam.
  - iv. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan resolusi **membenarkan segala dividen yang diterima daripada produk konvensional dilaburkan semula ke dalam produk patuh syariah**.
- 1.2 Sehubungan itu, berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan dan bagi menjaga kepentingan dan masalah ahli KWSP yang beragama Islam, Muzakarah **bersetuju memutuskan bahawa KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke akaun KWSP-Islamik**.